



## "PERUNDINGAN DAN PERSEFAHAMAN": KOMPROMI KAUM SELEPAS PENDUDUKAN JEPUN DI TANAH MELAYU

"NEGOTIATION AND UNDERSTANDING": RACIAL COMPROMISE AFTER  
JAPANESE OCCUPATION IN MALAYA

Mohamed Ali Haniffa<sup>1\*</sup>, Ayu Nor Azilah Mohamad<sup>2</sup>, Hafizah Hajimia<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Malaysia  
Email: m.ali@uum.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bangi, Selangor, Malaysia  
Email: ayunorazilah@kuis.edu.my

<sup>3</sup> Universiti Teknologi Mara, Kampus Arau, Arau, Perlis, Malaysia  
Email: hafizah.hajimia@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 01.06.2023

#### To cite this document:

Haniffa, M. A., Mohamad, A. N. A., & Hajimia, H. (2023). "Perundingan dan Persefahaman": Kompromi Kaum Selepas Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 49-61.

DOI: 10.35631/IJLGC.832005.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Abstrak:

Makalah ini membincangkan mengenai usaha perundingan dan persefahaman yang dilakukan oleh Raja-raja Melayu, pentadbiran British serta orang Cina dalam mengembalikan semula keharmonian kaum selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dasar campur tangan British secara rasmi di Tanah Melayu pada tahun 1874, pendudukan Jepun dan kezaliman komunis mencetuskan rasa tidak puas hati dalam kalangan etnik serta diterjemahkan dalam bentuk pergaduhan kaum. Artikel ini akan memberikan gambaran sepintas lalu terhadap pentadbiran British, pendudukan Jepun dan komunis. Perbincangan juga difokuskan terhadap proses perundingan dan persefahaman yang dilakukan berikutan meletusnya pergaduhan kaum selepas pendudukan Jepun. Pelbagai usaha dilaksanakan oleh Sultan, Raja-raja Melayu dan golongan intelelegensi bagi memulihkan hubungan kaum. Jawatankuasa Perhubungan Kaum, yang dibentuk turut berperanan penting meredakan api permusuhan di antara orang Melayu dan Cina serta mengembalikan keharmonian. Perbincangan dalam artikel ini bersandarkan kepada kaedah penyelidikan kepustakaan melibatkan rekod-rekod Pejabat Kolonial British, fail arkib dan sumber sekunder. Hasil penelitian mendapati bahawa kompromi kaum yang dilakukan berjaya memulihkan kembali keharmonian kaum di Tanah Melayu pasca Perang Dunia Kedua. Usaha ini juga signifikan sebagai perintis ke arah kemerdekaan negara.

**Kata Kunci:**

Perundingan dan Persefahaman, Kompromi, British, Jawatankuasa Perhubungan Kaum, Perang Dunia Kedua

**Abstract:**

This paper discusses the negotiation and understanding efforts undertaken by the Malay Rulers, British administration and the Chinese community in restoring racial harmony after the Japanese occupation in Malaya. The official British intervention policy in Malaya since 1874, the Japanese occupation and the communist oppression have triggered dissatisfaction among the racial groups, resulting in inter-racial clash. This article provides an overview of the British administration, the Japanese occupation and the communists. The discussion was also focused on the process of negotiation and understanding following the outbreak of inter-racial clashes after the Japanese occupation. Various efforts were made by the Sultan, the Malay rulers, and intellectuals to restore inter-racial relations. The Race Relation's Committee, which was formed, played an important role in quelling hostilities between Malays and Chinese and restoring harmony. The discussion in this article is based on library research methods involving records from the British Colonial Office, archival files and secondary sources. The research findings indicates that the racial compromise was successful in restoring racial harmony in Malaya after World War II. This effort is also significant as a pioneer towards national independence.

**Keywords:**

Negotiation and Understanding, Compromise, British, Race Relation's Committee, World War II

## Pendahuluan

Keunikan Malaysia kerana dilatari oleh kepelbagaiannya yang membawa kepada terhasilnya pola masyarakat majmuk. Kepelbagaiannya komuniti menyebabkan Malaysia dipandang tinggi oleh masyarakat antarabangsa yang lain, khususnya sebagai model atau destinasi pelancongan luar negara. Pengorientasian ekonomi komersial di Tanah Melayu oleh British menyebabkan berlakunya kebanjiran imigran Cina dan India namun akhirnya menjadi polemik dalam sejarah Malaysia. Pendudukan tentera Jepun pada tahun 1941 dan kezaliman komunis menyebabkan timbul keruncingan hubungan kaum. Hal yang demikian diterjemahkan dalam bentuk pergeseran kaum di antara orang Melayu dan Cina selepas tentera Jepun menyerah kalah (*WO 172/1784, 21 September 1945*). Menjelang pasca Perang Dunia Kedua pelbagai usaha dilaksanakan oleh Pentadbiran Tentera British (PTB), Raja-Raja Melayu dan pemimpin masyarakat dalam membina kembali keharmonian kaum serta perkongsian nilai bersama. Formula perpaduan dalam masyarakat majmuk, kerjasama dan tolak ansur menjadi formula penting untuk memastikan kesejahteraan hidup dapat dikecapi bersama. Objektif kajian ini ialah untuk membincangkan mengenai usaha kompromi yang dilaksanakan oleh British, Sultan, Raja-raja Melayu, Jawatankuasa Keamanan, dan golongan intelelegensi dalam memulihkan kembali keharmonian kaum berikutan meletus dan merebaknya pergaduhan kaum selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

## Sorotan Literatur

Terdapat beberapa penulisan oleh sarjana mengenai masyarakat majmuk dan asal mula keruncingan hubungan kaum di Tanah Melayu.

**Jadual 1: Sorotan Literatur**

<b>Penulis</b>	<b>Tajuk Penulisan</b>	<b>Intipati Perbincangan</b>
Kenelm O.L. Burridge	<i>Racial Relations in Johore</i>	Gambaran awal kehidupan masyarakat Melayu dan Cina di Batu Pahat, Johor.
Cheah Boon Kheng	<i>Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946</i>	Tumpuan terhadap konflik perkauman Melayu-Cina selepas Perang Dunia Kedua antara tahun 1945-1946. Turut dibincangkan ialah mengenai tahap kebangkitan Islam dan <i>sabilillah</i> apabila komunis mengganggu agama serta sosiobudaya orang Melayu.
Hairi Abdullah	<i>Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat</i>	Kemunculan Tentera Sabil Selendang Merah di Batu Pahat, Johor berikutan kezaliman komunis. Gambaran sepintas lalu diberikan mengenai pergaduhan Melayu-Cina yang berlaku di daerah Muar dan Batu Pahat.
Zaharah Nawawi	Panglima Salleh Selempang Merah.	Novel sastera sejarah yang memberikan gambaran ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan ketokohan Panglima Salleh Selempang Merah di Batu Pahat.

Sumber: (Analisis Pengkaji, Mohamed Ali Haniffa, 2023)

## Metodologi

Penulisan ini menggunakan pendekatan bersifat kualitatif dan naratif iaitu kaedah penyelidikan sejarah serta kaedah kepustakaan untuk melihat usaha perundingan serta kompromi kaum yang dilaksanakan berikutan tercetus pergaduhan di antara orang Melayu-Cina selepas pendudukan Jepun. Penelitian terhadap sumber primer dan sekunder menjadi asas pengumpulan data kajian ini. Penggunaan sumber primer seperti surat-menyrat, dokumen rasmi kerajaan, rekod dan akhbar dari Arkib Negara Malaysia, Arkib Cawangan serta *National Archives of United Kingdom* ditafsir dan dianalisis dengan teliti bagi menentukan keabsahan maklumat yang diperoleh. Selain itu, sumber sekunder seperti buku dan artikel jurnal yang berkaitan dengan dasar British, pendudukan Jepun serta hubungan kaum turut digunakan. Keseluruhan sumber yang dirujuk disemak silang dan sangat penting untuk menyokong serta memantapkan lagi perbincangan dan analisis dalam kajian ini.

## Masyarakat Majmuk

Teras bangsa Malaysia sudah dibina dan dibajai sejak Kesultanan Melayu Melaka (KMM). Kehebatan tersebut digambarkan dalam *The Suma Oriental of Tome Pires* dengan kenyataan "Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice" (Amanda Corteso, 1967). Melaka mengamalkan pola hubungan diplomatik serantau dan antarabangsa. Taraf Melaka sebagai pelabuhan entrepot dibuktikan dengan penggunaan sebanyak 84 bahasa khususnya dalam urusan perdagangan (Zainal Abidin, 2008). Model keharmonian kaum sudah bermula sejak KMM dan dinukilkan oleh Abdullah Munsyi. Walaupun masyarakat majmuk ketika itu

bertuankan Inggeris namun mereka mampu hidup sebumbung dan mempunyai perasaan taat setia (Zahari A. Rashid, 2008).

Kemerosotan dan kejatuhan KMM pada 24 Ogos 151 disebabkan oleh nepotisme dan kronisme dalam kalangan pembesar-pembesar dan rakyat Melaka. Sejak dahulu lagi orang Melayu memiliki kekayaan dengan penguasaan industri bijih timah di Negeri-Negeri Melayu seperti di Larut, Perak. Walau bagaimanapun, dasar campur tangan British melalui Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 mengubah politi masyarakat Melayu dengan pelantikan seorang Pegawai British sebagai Residen (Sullivan, 1982). Seawal tahun 1777, imigran Cina dibawa masuk bagi pengorientasian industri perlombongan bijih timah. Kebanyakan dalam kalangan mereka menetap di negeri Perak pada tahun 1830. Populasi orang Cina berjumlah seramai 250,000 orang pada tahun 1800 dan meningkat menjadi 2 juta orang pada tahun 1900 serta 6.3 juta orang pada tahun 1957.

Kemasukan orang Cina turut membawa bersama budaya kehidupan yang bercanggah dengan peribumi di Tanah Melayu (Burridge, 1951). Orang Cina dikatakan tidak menghormati sosiobudaya masyarakat setempat (*Seruan Ra'ayat*, 17 November 1945). Budaya kerja orang Cina yang sangat berbeza dan berbentuk kesukuan menyebabkan kedudukan ekonomi mereka menjadi lebih kukuh berbanding orang Melayu dan India menjelang awal abad ke-20. Tujuan ekonomi orang Cina menjadi semakin teguh dan makmur serta dilihat sebagai satu ancaman besar oleh orang Melayu (Kheng, 1983). Ini menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu dan menyebabkan segelintir intelekvensia Melayu menyuarakan bantahan dalam satu kongres bagi menujuhkan sebuah parti nasionalis Melayu pada 30 November 1945 di Ipoh (WO 203/5642, 3). Kegawatan ekonomi dunia menjelang tahun 1929 hingga 1930-an hampir melumpuhkan eksport getah dan bijih timah di Tanah Melayu serta menyebabkan kehidupan orang Melayu tersebut (Rodziyah, 2009). Akhbar tempatan ketika itu turut melaporkan mengenai bantuan persatuan Cina kepada komuniti mereka yang meliputi kewangan dan makanan berikutan kehilangan pekerjaan. Senario sedemikian telah merencatkan hubungan baik sesama etnik.

### **Pendudukan Jepun dan Kezaliman Komunis**

Slogan *Asia untuk Orang Asia* adalah intipati utama yang digunakan oleh tentera Jepun pada 8 Disember 1941 sehingga Tanah Melayu diduduki selama tiga tahun dan lapan bulan (*Fajar Asia*, 25 Ichigatsu 2603). Strategi diplomasi dan peniponisasi digunakan oleh tentera Jepun dalam usaha mendapatkan keyakinan masyarakat tempatan. Islam sebagai agama tolenrasi digunakan sebagai medium bagi mendapatkan sokongan dalam kalangan orang Melayu (*Fajar Asia*, No. 5, 13 Shigatsu 2603, Tahun 1). Walau bagaimanapun, sentimen benci semenjak Perang China-Jepun 1937 diterjemahkan melalui '*Sook Ching*' yang menyebabkan pembunuhan seramai 70,000 orang Cina di Singapura (CO 537/375727, 28). Perasaan takut dizalimi oleh tentera Jepun menyebabkan sebahagian orang Cina melarikan diri ke kawasan pinggir hutan (Mohd Isa, 2000).

Perkampungan orang Melayu menjadi lokasi sasaran tentera Jepun kerana dapat membekalkan bahan makanan. Tentera Jepun turut menyamar dan bertindak membunuh dan merogol wanita yang tidak bersalah. Walau bagaimanapun, catuan bahan makanan menyebabkan berlakunya kebuluran dan inflasi serta mencetuskan keruncingan hubungan kaum selepas tentera Jepun menyerah kalah pada tahun 1945 (WO 203/3994, 19 Julai 1945). Segregasi tentera Jepun digambarkan seperti berikut:

*As a corollary to this the Japanese continued the prewar British pro-Malay policy, thereby helping to create social and political conditions which brought Malay's and Chinese into conflict (WO 106/2579 B (40), Fall of Singapore: Statements by Witnesses-Mar-July 1942).*

Kekalahan tentera Jepun pada Ogos 1945 memberikan ruang kepada tentera Bintang Tiga keluar dari tempat persembunyian dan bertindak zalim. Sebahagian daripada mereka menguasai lokasi strategik seperti balai polis dan kawasan pekan (WO 172/1784, 21 September 1945 [SECRET]). Bintang Tiga mula menggeledah dan menghukum penduduk kampung yang dikatakan bersubahat dan tidak memberikan kerjasama kepada komunis. Ramai dalam kalangan orang Melayu seperti guru agama, guru-guru dan bekas pekerja pejabat Jepun menerima hukuman bunuh. Tindakan zalim komunis melampau sehingga sebahagian rumah orang Melayu dibakar pada waktu malam (*Minguan Malaysia*, 4 September 2011).

Orang Melayu dipaksa untuk membayar yuran perlindungan, membekalkan bahan makanan dan menganggotai *Anti Japanese Union Force* (AJUF) (WO 203/1115B, No. 53, 5 Oktober 1945). Surau dan masjid yang menjadi tumpuan orang Islam dijadikan sebagai sasaran komunis membalas dendam. Khinzir disembelih dalam kawasan masjid dan urusan ibadat orang Islam diganggu (Hairi Abdullah, 1973/4, 1974/5). Aktiviti ibadah orang Islam juga sering disalah tafsirkan oleh komunis sehingga menebalkan perasaan perkauman (*Seruan Ra'ayat*, 21 November 1945). Orang Melayu turut ditembak oleh komunis ketika sedang bersolat (Burridge, 1951). Sebahagiannya diculik untuk dijadikan pekerja kem atau anggota komunis. Api permusuhan yang dimulakan oleh tentera Jepun menyebabkan tercetusnya kejadian permusuhan di antara orang Melayu dan Cina di Batu Pahat, Johor (WO 203/5660, Malaya's, Oct 1945-March 1946 [TOP SECRET]). Pergaduhan juga mula meletus di Sungai Manik, Batu Kikir, Batu Malim dan serata lokasi di Tanah Melayu berikutan prasangka yang dicetuskan dan juga kezaliman komunis.

### **Kompromi Melalui Perundingan dan Persefahaman**

Tanah Melayu bergolak berikutan permusuhan yang berakar umbi daripada dasar-dasar Jepun (CO 537/1580, 8 March 1946). Tempoh masa Perang Dunia Kedua menyebabkan berlakunya defisit dalam kantung perbendaharaan British. Justeru itu, perundingan merupakan langkah terbaik yang difikirkan sesuai bagi mengembalikan semula kepercayaan dan memulihkan ekonomi. Grubb dan Bowes Lyon yang merupakan pegawai British di London membuat perancangan rapi bagi memulihkan kembali Tanah Melayu dari aspek politik, ekonomi dan sosial sejak tahun 1942 (INF 1/557, 2 November 1942). Tempoh masa perang digunakan sebaiknya oleh British untuk merangka semula pelan pemulihan Tanah Melayu. Tindakan segera selepas perang yang dilakukan ialah dengan pengasasan *British Military Administration* (BMA) di antara September 1945 hingga 31 Mac 1946. Justeru itu, hubungan baik sesama etnik perlu dipulihkan terlebih dahulu. Orang Melayu khususnya mengalu-alukan kehadiran British semula ke Tanah Melayu dengan harapan BMA berupaya membawa perubahan sosioekonomi yang lebih baik (WO 172/1778).

### **Malaya Handover-Committee dan Malayan Planning Unit (MPU).**

*Malaya Handover-Committee* dibentuk bagi memulihkan dan membina pentadbiran baharu di Tanah Melayu (WO 172/1795). Peruntukan kewangan berjumlah £11,000,000 disalurkan pada tahun pertama bagi memulihkan kembali kemudahan prasarana dan telekomunikasi yang terjejas (CO 273/675/7, Malaya-Government And Rehabilitation). Geran pemulihan sebanyak

£5,000,000 daripada jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak £85,500,00 diberikan kepada semua tanah jajahan British. Willan melawat dan berjumpa dengan sultan untuk mendapatkan pandangan bermula 8 hingga 29 September 1945 (Stockwell, No. 8). Manipulasi ekonomi diterjemahkan oleh British apabila seramai 87 orang pengusaha ladang getah, pelombong bijih timah dan jurutera dihantar ke Singapura dari India serta United Kingdom (*SCAO Pahang*, 62/1946, 4 January 1946). *Malayan Planning Unit* (MPU) diberikan tugas untuk merangka program pemulihan dengan maklumat yang diberikan oleh pegawai British bertugas di Tanah Melayu. Kapten Robinson dilantik dan ditempatkan di Bentong, Pahang bermula 9 September 1945 sebagai pegawai perhubungan di antara pihak berkuasa British dan juga AJUF (SUK. Phg. 24/45, 10 September 1945). Prioriti diberikan oleh BMA dengan menggerakkan semula pasukan polis dan tentera dalam usaha memelihara keamanan (*CO 537/1580*, 8 March 1946).

### **Jawatankuasa Keamanan**

Memulihkan keamanan merupakan agenda penting dan mula diberikan perhatian di setiap negeri yang berlaku insiden pergaduhan Melayu-Cina. Di Bentong, Pahang, mesyuarat diadakan pada 5 September 1945 bertempat di Nombor 40, *Ah Peng Street* pada jam 3.00 petang. Tujuannya ialah untuk menubuhkan sebuah kesatuan bagi membincangkan mengenai kemerdekaan Tanah Melayu dan menangani sebarang kemungkinan berlakunya ketegangan kaum (SUK. Phg. 24/45, 10 September 1945). Mesyuarat susulan diadakan pada 8 September 1945 atas inisiatif AJUF bertempat di dewan panggung wayang, Bentong dan dihadiri seramai 500 orang. Cik Ah Fong dalam mesyuarat tersebut mencadangkan penubuhan sebuah jawatankuasa yang mengandungi wakil dalam kalangan ketiga-tiga kaum dan menjadi penghubung menyelesaikan isu melibatkan kepentingan bersama.

Ini disusuli dengan mesyuarat induk yang terdiri dalam kalangan semua orang Cina dan Jawatankuasa Keamanan Mentakab yang diadakan pada 13 September 1945 di *Court House Temerloh*, Kelab Orang Cina Temerloh, Kelab Orang Cina Mentakab dan di Taman Mentakab. Mesyuarat tersebut turut dihadiri seramai tidak kurang daripada 1,000 orang (SUK. Phg. 24/45, 14 September 1945). Dalam Mesyuarat *Selangor General Labour Union* (GLU) yang diadakan pada 29 Disember 1945, ahli mesyuarat sebulat suara menyokong inisiatif persatuan mantan AJA untuk mengadakan tindakan bagi memulihkan keharmonian kaum. Liga Belia Tempatan yang mengadakan mesyuarat pada 8 Januari 1946 bagi meluluskan resolusi menyertai *Malayan Nationalist Party* (MNP) dan membentuk jawatankuasa hubungan antara kaum. Rentetan itu, pada 12 Januari 1946, dicadangkan pembentukan Jawatankuasa pemulihan Melayu-Cina. Wakil MNP berunding dengan Theat Hong, pemimpin PKM pada 3 Januari 1946, mengenai kerjasama Melayu-Cina berikutan kebimbangan kejadian pergaduhan Melayu-Cina di Dinding, Perak (WO 172/9773, SECRET). Mentaliti dan kesetiaan orang bukan Melayu perlu difokuskan kepada Tanah Melayu dalam usaha memulihkan semula semangat persaudaraan di antara orang Melayu dan Cina. Ini bertepatan dengan saranan "*Malayanising*" orang Cina oleh Lord Milverton, mantan Gabenor Borneo Utara dalam satu kenyataan di London (*CAJ*. 35/49, 11).

Usaha memulihkan keharmonian juga dilaksanakan secara konsisten di peringkat negeri dan daerah. Pada 18 November 1945, Jawatankuasa Penasihat Orang Cina Perak mengadakan mesyuarat. Tuanku Sultan Perak bertitah bahawa pandangan daripada komuniti Cina dan wakil setiap daerah akan dikumpul serta disalurkan kepada kerajaan dalam usaha menjernihkan kembali hubungan Melayu dan Cina (*CO 537/5985*, 3A). Pemimpin masyarakat Melayu dan Cina turut berperanan signifikan dalam usaha menyelesaikan isu perkauman. Justeru itu, satu mesyuarat diadakan pada bulan Februari 1946 dengan dihadiri seramai 15 orang wakil dalam

kalangan orang Melayu dan Cina. Keputusan utama yang dicapai ialah persetujuan bekerjasama dalam usaha memulihkan kembali keamanan di Parit Jawa, Johor dan menempatkan semula penduduk yang terjejas berikutnya pergaduhan (SUKJ. 6203/1945, 58). Berikutan campur tangan BMA dan juga pasukan polis pergaduhan Melayu-Cina di Benut dapat dikurangkan (*RCJ*. 65/46, 46).

### ***Peranan Sultan dan Raja-raja Melayu***

Sultan dan Raja-raja Melayu juga berperanan penting dalam usaha membina kembali keharmonian kaum. Perjumpaan Jawatankuasa Rakyat Selangor yang terdiri dalam kalangan orang Cina, India, Melayu dan lain-lain kaum diadakan pada 16 November 1945, jam 10 pagi bertempat di Dewan Perhimpunan China Kuala Lumpur. Matlamat utama ialah untuk melupakan perselisihan faham dan memberikan kerjasama penuh kepada British bagi memulihkan keamanan. Punca berlaku pergaduhan turut dikenal pasti dan perwakilan mesyuarat memberikan nasihat kepada orang Cina supaya tidak mencampuri urusan yang berkaitan dengan sosiobudaya orang Melayu (*Seruan Ra'ayat*, 17 November 1945). Majlis perundingan merupakan titik tolak penting kepada penubuhan jawatankuasa di peringkat daerah. Ini dapat dibuktikan apabila Jawatankuasa Pembantu Kuala Pilah, Jawatankuasa Rakyat Selangor mengutip derma bagi membantu mangsa yang terlibat dalam insiden pergaduhan Melayu-Cina di Kuala Pilah, Negeri Sembilan (*Seruan Ra'ayat*, 18 November 1945).

Tindak balas segera juga dilaksanakan bagi mengadakan perundingan di peringkat tempatan bagi mencari jalan penyelesaian di antara orang Melayu dan Cina. Inisiatif tersebut dilaksanakan oleh baginda Tuanku Sultan Musa Ghiatuddin Riayat Shah ibni Almarhum Sultan Sir Alaeddin Sulaiman ketika mengadakan perjumpaan dengan penghulu dan Ketua Kampung di negeri Selangor (*Seruan Ra'ayat*, 15 Disember 1945). Tuanku Sultan Pahang juga turut berangkat ke Kuala Lipis, Pahang dan bertitah agar orang Melayu serta Cina berbaik-baik dan tidak melibatkan diri dalam insiden pergaduhan (*Seruan Ra'ayat*, 29 Disember 1945).

Di Perak, Eng Min Chin yang merupakan ketua PKM cawangan Perak dan Chin Thian Hwa, Pengetua Persekutuan Rakyat Perak telah menghadap Tuanku Sultan Perak pada 31 Disember 1945 dengan harapan baginda campur tangan dalam usaha menyelesaikan pergaduhan. Berikutan rayuan tersebut, Sultan Abdul Aziz Almustasim Billah Shah menitahkan pihak polis di Ipoh melawat ke sekitar daerah sepanjang Sungai Perak. Tujuannya ialah untuk mendapatkan bukti dan keterangan saksi mengenai punca meletusnya ketidakharmonian (*Seruan Ra'ayat*, 5 Januari 1946). Ini diikuti pula oleh lawatan baginda ke Parit pada Disember 1945, Telok Anson pada 5 Januari 1946, Dinding pada 15 Februari 1946, dan pada 10 Julai 1946 ke Hilir Perak untuk berjumpa dengan pemimpin setempat. Dalam siri lawatan ke Manong pada Januari 1946 baginda bertitah kepada komuniti Melayu dan Cina supaya terus hidup dalam keadaan harmoni (*WO* 172/1797, ISUM No. 54, 50). Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak dan Yang Amat Mulia Raja di Hilir turut berkunjung dan memberikan kata perangsang kepada semua rakyat jelata yang baharu sahaja selesai mengalami penderitaan di bawah pemerintahan tentera Jepun (*MU*. 1227/1947, 1A).

Rentetan pergaduhan yang meletus, orang Melayu dan Cina turut terkesan dalam aktiviti ekonomi sehari-hari. Sebagai contohnya ialah apabila peraih Cina memulaukan pembelian durian orang Melayu di lokasi tepi jalan Ipoh (*Seruan Ra'ayat*, 5 Januari 1946). Tindakan segera yang dilaksanakan adalah mengadakan mesyuarat bersama dengan Penghulu, Ketua Kampung dan pegawai kerajaan dengan tujuan untuk memastikan kerja pemulihan selepas perang

dilaksanakan dengan segera. Di negeri Selangor, Majlis Penasihat Selangor dibentuk yang dipengerusikan oleh Kolonel Wisdom, Pegawai Kanan Hal Ehwal Pereman, Selangor (*Seruan Ra'ayat*, 20 Januari 1946). Antara wakil orang Cina ialah Kolonel H.S. Lee. Brigediar Newboult dalam ucapan aluannya menegaskan bahawa PTB berusaha menjernihkan kembali hubungan di antara orang Melayu dan Cina. Kolonel H.S. Lee meminta wakil orang Melayu dan Cina supaya tidak menyebarkan berita serta khabar angin yang boleh merencatkan hubungan (*MU. Sec. 219/46*, 18 April 1946). Menjelang tahun 1946, kerjasama penduduk dan pemimpin tempatan dalam usaha memulihkan keharmonian semakin menunjukkan reaksi positif seperti mana yang dinyatakan oleh Jeneral Dempsey (*WO 203/1114*, No. 52, 28 September 1945). Konsul dari negara China dalam satu ucapan yang disampaikan di Kuala Lumpur pada 25 Mac 1946, menyatakan bahawa "*The Malays are hospitable, good hearted... hosts. We (Chinese) are their guests*" (*WO 172/9773*, 30 March 1946).

Di negeri Perak, *Perak Communal Relation Committee* (PCRC) dibentuk sebagai mekanisme mencari jalan penyelesaian di antara orang Melayu dan Cina. Perjumpaan diadakan di Bota, Lambor dan Layang-layang di antara wakil PCRC dengan penduduk Melayu pada 9 Mei 1946. Perjumpaan di Bota dihadiri oleh Penghulu dan Penolong Penghulu dari beberapa buah mukim yang berhampiran berserta 400 orang penduduk tempatan. Leong Lin sebagai Pengurus Bersama PCRC memberikan penjelasan mengenai keperluan untuk bekerjasama dan memikirkan kepentingan kehidupan pada masa hadapan (*DOLP. 60/45, 81/46, 19*). PCRC juga menyeru BMA memberikan perhatian serius dalam memastikan tidak berlaku pergaduhan. BMA mengadakan perjumpaan secara berkala seperti di Kuala Kangsar, Perak bersama Ketua Kampung dan Penghulu sebanyak dua kali sebulan iaitu pada setiap hari Khamis (SUK. PK. 703/47, Annual Report For 1946).

Di Johor pula, mesyuarat di antara Pegawai Daerah Pontian, Ketua Polis Batu Pahat dan Tin Che Liow, pemimpin Persatuan Cina Seberang Laut, Pontian, pemimpin Persatuan Cina Benut, pemimpin orang Melayu dan beberapa orang pemimpin Cina di Benut diadakan pada 6 April 1949 (*CAJ 35/49, 9.4.49*). Dalam mesyuarat yang diadakan, beberapa resolusi bersama dicapai seperti peringatan kepada komuniti masing-masing agar tidak menyebarkan provokasi yang boleh menyebabkan keretakan hubungan kaum. Bagi memastikan ketenteraman, pegawai polis dari Cawangan Khas, Johor melawat Benut pada 28 Mei 1949. Mesyuarat susulan diadakan pada hari yang sama dan dihadiri oleh seramai dua orang Penghulu, Kapitan Cina dari Benut, ahli dari pertubuhan Cina dan badan perniagaan Cina serta pegawai daerah. Kapitan Cina menjelaskan kepada semua ahli mesyuarat bahawa seramai 20 orang orang Cina dari Batang Duku, Benut berjumpa dan meminta nasihat berkaitan dengan tindakan bagi menangani ketidakharmonian hubungan Melayu-Cina (*CAJ 35/49, 29 Mei 1949*).

Menjelang pertengahan April 1949, pemimpin kedua kaum di Parit Jawa, Muar, mengadakan mesyuarat di premis pertubuhan Cina tempatan. Penghulu Parit Jawa mempengerusikan mesyuarat berkenaan dan intipati utama ialah berkenaan rasa tidak puas hati orang Melayu mengenai ternakan khinzir orang Cina berhampiran dengan petempatan orang Melayu. Ketetapan secara kolektif dicapai di mana orang Cina bersetuju untuk mengawal binatang ternakan dan menghormati sensitiviti orang Islam. Pengurus mesyuarat juga mengharapkan agar rundingan persahabatan di antara orang Melayu dan Cina dapat diadakan segera. Pada 29 Mei 1949, mesyuarat diadakan oleh Penghulu Parit Jawa bertempat di Pertubuhan Cina, Parit Jawa. Persetujuan yang dicapai dalam mesyuarat tersebut ialah pembentukan Skim Rukun Tetangga (*Neighbourhood Policing System*) bagi mengekalkan ketenteraman. Pelantikan Ketua Kampung yang majoritinya terdiri dalam kalangan orang Cina juga telah diusulkan.

British dan pemimpin setiap kaum memberikan jaminan keselamatan bagi penduduk yang terjejas untuk kembali ke petempatan asal mereka (*CAJ* 35/49, 21.4.49).

### **Kewibawaan Dato' Onn bin Jaafar**

Dato' Onn bin Jaafar berperanan signifikan dalam membina kembali keharmonian kaum. Beliau ketika itu bertugas sebagai Pegawai Daerah Batu Pahat, bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan semua penduduk tanpa mengira agama dan bangsa (Chamil Wariya, 2008). Beliau turut melahirkan kebimbangan bahawa sentimen orang Cina akan menjadi anti-Islam. Pada 21 Ogos 1945, Dato' Onn bin Jaafar telah bergadai nyawa berunding dengan komunis di markas Bukit Pasir. Ketua komunis ketika itu bersetuju dengan permintaan beliau supaya berhenti menyerang kawasan perkampungan orang Melayu (Ismail Ahmad, 2006). Perbincangan juga turut diadakan oleh Tuanku Sultan Ibrahim dari Johor bersama Dato' Onn bin Jaafar, Kiai Salleh bin Abdul Karim, Embong Yahya, Haji Abd. Hamid Kiayi Haji Fadhil al-Banteni dan beberapa orang pemimpin bagi mengetahui persiapan orang Melayu menghadapi kezaliman komunis di Johor.

Peranan Dato' Onn bin Jaafar menangani isu Malayan Union juga merupakan sebahagian daripada jalan penyelesaian hubungan kaum (*WO* 172/9773, 9 March 1946). Ini dapat dibuktikan dengan komitmen beliau yang menyatakan bahawa "...hanya satu sahaja ubat bagi menyembuhkan penyakit yang sedang dihadapi iaitu dengan mengadakan kerjasama dan tolong-menolong di antara Melayu-Cina di kampung-kampung" (Ho Hui Ling, 2006). Dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan pada 17 Julai 1948, Dato' Onn bin Jaafar menyeru Ahli Majlis berbangsa Melayu mengarahkan semua orang Melayu menumpahkan taat setia dan berhati-hati dalam sebarang gerakan menentang komunis pada zaman darurat bagi mengelakkan sebarang pertelingkahan kaum.

Satu persidangan diadakan di Johor Bahru yang dihadiri lebih daripada 20 orang wakil kaum Cina dari seluruh Johor pada 8 Julai 1948, atas inisiatif Dato' Onn bin Jaafar. Pasukan Mata-mata Cina Khas dibentuk dan Pertubuhan Cina Johor bersetuju bekerjasama dalam menghapuskan komunis di samping memelihara perpaduan semua kaum di negeri Johor (Shaharom, 1985). Dalam mesyuarat yang diadakan pada 27 Oktober 1948 dan 2 November 1948 beliau memberikan beberapa cadangan bagi mengembalikan semula ketuanan Melayu. Antaranya ialah melalui pemulihan ekonomi orang Melayu dengan geran bantuan sejumlah 10 juta bagi penubuhan *Agricultural Loan Bank* dan pelantikan orang Melayu sebagai Timbalan Pesuruhjaya Tinggi. Kesungguhan dalam memulihkan hubungan Melayu-Cina terserlah apabila beliau mencadangkan pelantikan orang Cina dalam *Malayan Civil Service* (MCS), dan "*the Malayaniation of the administrative service*" (*CO* 537/3759, 10 November 1948).

Pertubuhan politik seperti *United Malays National Organisation* (UMNO) juga menjadi saluran penting dalam mengembalikan semula keharmonian kaum. Peringatan kepada ahli UMNO agar mengetepikan fahaman perkauman bagi memupuk aspirasi politik bersama turut diberikan perhatian serius. Menurutnya lagi terdapat sebahagian perwakilan yang mempunyai sentimen kenegerian yang tebal dan mementingkan diri sendiri, sedangkan isu perkauman dalam negara masih berlarutan. Keprihatinannya terserlah ketika dalam Perhimpunan Agung UMNO ke-11 pada 28 Mei 1949 di Arau, Perlis, di mana beliau menyeru orang Melayu agar menjalinkan hubungan pelbagai kaum dan mengikis semula sentimen perkauman.

Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ) ditubuhkan pada Januari 1946 di Batu Pahat, berikutan insiden Melayu-Cina yang berlaku pada Mei hingga September 1945. PMSJ dipengerusikan oleh Dato' Onn bin Jaafar (*WO 203/5660, February 6<sup>th</sup> to March 4<sup>th</sup>, 1946*). Tujuan penubuhan PMSJ ialah untuk mewujudkan perpaduan kebangsaan Melayu dan menyatukan orang Melayu semenanjung bagi mengatasi pengaruh Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Di samping itu, untuk meninggikan taraf hidup orang Melayu dan menyatukan orang Melayu dalam perkara yang melibatkan politik negeri, perniagaan, perusahaan, pelajaran, agama, adat serta sosial. Agama dan institusi Islam telah digunakan bagi kepentingan perpaduan orang Melayu dan perjumpaan pertama dihadiri seramai 3,000 di Batu Pahat selepas Perang Dunia Kedua (*WO 172/9773, 2 February 1946*).

Jabatan Hal Ehwal Orang Cina juga digunakan sebagai saluran untuk memulihkan hubungan kaum. Organisasi tersebut berfungsi sebagai badan pelindung dan penasihat kepada semua perkara yang berkaitan dengan hal ehwal orang Cina. Menjelang bulan Oktober 1946, pegawai Cina yang terlatih dilantik sebagai Penasihat Hal Ehwal Orang Cina di beberapa buah negeri seperti di Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Kedah, Pulau Pinang, Melaka, Johor dan Pahang. Jawatankuasa Bersama Hal Ehwal Orang Cina dibentuk pada bulan Ogos 1946 bagi membina hubungan rapat di antara Jabatan Hal Ehwal Orang Cina di Singapura, Malayan Union dan badan lain yang berkaitan dengan orang Cina (*CAJ 18/47, 30<sup>th</sup> November 1946*).

Bagi memulihkan kepercayaan orang Melayu terhadap komuniti Cina di Tanah Melayu, satu rombongan Cina-Islam telah dicadangkan ke Tanah Melayu. *Chinese Islamic South Asia Goodwill Mission* dihantar oleh kerajaan China pada 10 Disember 1939 untuk membina hubungan baik di antara Cina-Muslim dengan bangsa lain, dan untuk menyebarkan propaganda anti-Jepun (*WO 208/1523, 1<sup>st</sup> to 31<sup>st</sup> January 1940*). Ini diikuti pula oleh ketibaan Haji Ibrahim Ma di Ipoh, Perak pada 9 September 1948. Beliau menasihatkan orang Cina di Tanah Melayu bagi menujuhan *Pan-Malayan Association*. Orang Cina juga disaran menyokong usaha kerajaan sekiranya mereka bercita-cita menjadi warganegara Tanah Melayu. Beliau juga menyarankan penulisan buku mengenai Islam, penubuhan Kelab Antara Kaum (*Inter-Communal Clubs*), menggalakkan orang Cina agar kurang makan khinzir, mengelakkan provokasi kepada orang Melayu dan melayan orang Melayu dengan adil dalam urusan perekonomian (*CO 537/3750, 22*).

*Communities Liaison Committee* (CLC) yang dibentuk pada 9 Januari 1949 merupakan sebahagian usaha yang dilakukan bagi menjalin kembali semangat kerjasama dan muhibah antara kaum (*CO 717/183/2, 1*). E.E.C. Thurasingham dilantik sebagai pengurus CLC di atas cadangan Dato' Onn bin Jaafar. Beliau juga adalah seorang yang berkecuali dalam menghadapi reaksi wakil Melayu dan Cina. Slogan yang dipilih ialah "persamaan dan keadilan untuk semua orang di Tanah Melayu". Terdapat tiga objektif penting yang mendasari pembentukan jawatankuasa CLC iaitu untuk mengkaji hubungan antara kaum secara mendalam. Di samping itu, untuk membetulkan keadaan ekonomi, politik dan sosial supaya wujud pembahagian yang adil untuk semua komuniti dalam negara. Objektif terakhir ialah untuk mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah dalam kalangan semua penduduk tetap di negara ini. Walaupun perasaan perkauman tidak dapat dihapuskan sepenuhnya, namun sekurang-kurangnya dapat mewujudkan suasana harmoni dalam hubungan kaum (Joseph, Zulkarnain & Abdullah Zakaria, 2013).

UMNO yang dibentuk pada tahun 1946, *Malayan Chinese Association* (MCA) pada tahun 1949 dan *Malayan Indian Congress* (MIC) pada tahun 1946 dilihat sebagai sebahagian daripada usaha menjaga kepentingan dan kebajikan setiap kaum. Perjuangan UMNO tidak berfokuskan kepada orang Melayu semata-mata tetapi merentas sempadan ras dan bangsa. Tan Cheng Lock dan E.E.C. Thuraisingam telah memainkan peranan aktif dalam memberikan kesedaran kepada komuniti mereka. Dato' Onn bin Jaafar mencadangkan agar keahlian UMNO dibuka kepada orang bukan Melayu. Perkara ini dilihat sebagai sebahagian daripada tindakan bijak ketika orang Melayu dan Cina terlibat dalam pergaduhan. Kelonggaran keahlian diharapkan akan dapat menyebabkan hubungan di antara tiga etnik besar iaitu Melayu, Cina dan India diperkuuhkan. Cadangan tersebut adalah berikutan pengalaman yang telah dilalui oleh beliau ketika menangani isu pergaduhan yang besar di Batu Pahat, Johor.

Dalam ucapan presiden pada 27 Ogos 1949 ketika Perhimpunan Agung UMNO yang ke-12, beliau mencadangkan agar orang Melayu seharusnya menerima orang bukan Melayu yang telah banyak berkorban untuk Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, hasrat Dato' Onn bin Jaafar untuk menjadikan UMNO sebagai sebuah parti yang bukan berbau perkauman tidak tercapai. Hal ini juga bermakna UMNO akan kembali semula sebagai sebuah parti yang berasaskan perkauman. Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC yang direalisasikan pada Oktober 1954 merupakan sebahagian usaha bagi memulihkan hubungan kaum di Tanah Melayu.

#### **Jadual 2: Usaha Kompromi Melalui Perundingan dan Persefahaman**

<b>Jawatankuasa</b>	<b>Fungsi</b>
<i>Malaya Handover-Committee</i>	Memulihkan dan membina pentadbiran baharu di Tanah Melayu melalui penyaluran bantuan kewangan.
<i>Malayan Planning Unit (MPU)</i>	Merangka program pemulihan di Tanah Melayu.
Jawatankuasa Keamanan	Usaha pemulihan mengikut lokasi dan negeri yang terjejas berikutan insiden pergaduhan Melayu-Cina.
Sultan dan Raja-raja Melayu	Bertindak sebagai Jawatankuasa Pendamai dalam kalangan etnik Melayu dan Cina.
<i>Perak Communal Relation Committee (PCRC)</i>	Jawatankuasa yang dibentuk berikutan konflik etnik yang serius di negeri Perak.
Skim Rukun Tetangga ( <i>Neighbourhood Policing System</i> )	Mengawal ketenteraman di kawasan kampung.
Dato' Onn bin Jaafar	Pegawai Daerah Batu Pahat dan perantara ketika berunding dengan komunis di Bukit Pasir.
Pergerakan Melayu Semenanjung Johor (PMSJ)	Ditubuhkan pada Januari 1946 di Batu Pahat, dengan matlamat mewujudkan perpaduan kebangsaan Melayu dan menyatukan orang Melayu.
<i>Chinese Islamic South Asia Goodwill Mission</i>	Delegasi Kerajaan China yang dibentuk untuk membina hubungan baik di antara orang Cina dan Melayu.
<i>Communities Liaison Committee (CLC)</i>	Dibentuk pada 9 Januari 1949 dan dipengerusikan oleh E.E.C. Thuraisingham. Bermatlamat mengkaji hubungan antara kaum, membetulkan situasi ekonomi, politik dan sosial serta mewujudkan keharmonian dan muhibah.

Parti Perikatan UMNO, MCA dan MIC	Parti politik yang berperanan menjaga kepentingan dan kebajikan setiap kaum.
-----------------------------------	--

Sumber: (Analisis Pengkaji, Mohamed Ali Haniffa, 2023)

### Kesimpulan

Penjajahan yang bersilih ganti mengubah kedinamikan Tanah Melayu sebagai sebuah politik masyarakat Melayu menjadi majmuk. Orang Melayu yang kaya dengan kesantunan dan nilai persaudaraan menjadi tunjang kepada pembentukan masyarakat majmuk di Malaysia. Tanah Melayu dikongsi bersama dengan etnik lain bagi membina kehidupan harmoni secara bersama. Prejudis yang dibenarkan semenjak penjajahan diterjemahkan dalam bentuk konflik berdarah melibatkan etnik Melayu dan Cina selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Menyedari kelompongan yang ditinggalkan, pelbagai usaha dilaksanakan bagi mengembalikan semula keharmonian hubungan kaum pasca Perang Dunia Kedua. Usaha berterusan juga terus dicetuskan oleh British, sultan, pemimpin tempatan dan golongan intelelegensi Melayu dalam mempersaudarakan kembali khususnya orang Melayu serta Cina. Dalam konteks hari ini agenda perkongsian nilai dan membina negara bangsa Malaysia merupakan proses yang kompleks serta berterusan. Pelbagai usaha telah dan sedang dilaksanakan secara konsisten oleh kerajaan bagi mencapai matlamat tersebut. Namun kerapuhan perpaduan tetap menjadi penghalang utama dalam mencapai usaha murni ini. Justeru itu, kelangsungan survival bangsa Malaysia bergantung kepada keupayaan dan kesanggupan rakyat untuk berkongsi nilai, identiti serta hala tuju dalam menjayakan aspirasi negara. Dapatkan kajian yang diperoleh adalah signifikan dengan objektif penulisan iaitu kompromi yang dilaksanakan bagi membina kembali keharmonian kaum berikutnya pergaduhan kaum yang bercetus selepas pendudukan Jepun. Kajian ini berpotensi dalam mengupayakan tahap pengetahuan fakta sejarah bagi membina kehidupan yang lebih harmoni pada masa hadapan.

### Penghargaan

Artikel ini merupakan dapatan pembentangan di 2<sup>nd</sup> International Conference of Sciences, Ethics and Civilization 2023, anjuran Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah, Darul Aman.

### Bibliografi

- Burridge, Kenelm, O.L. (1951). "Racial Relations in Johore," *Australian Journal of Politics and History*, Vol. II. (May 2), 163-167.  
CAJ. 35/49: Inter-racial Relationship, 7.4.49-25.9.49.  
CO 273/675/7: Future Policy in Malaya-Malaya-Government And Rehabilitation.  
CO 537/1580: Growth of Inter Racial Feeling in Malaya (SECRET).  
CO 537/3750: Political Developments Review of Chinese Affairs (SECRET).  
CO 537/3757: Malaya: Chinese Affairs and Correspondence with Mr. H.T. Pagden-1948.  
CO 537/3759: Pan-Malayan Review of Political and Security Intelligence.  
CO 717/183/2: Secret Political Intelligence Review.  
Chamil Wariya. (2008). *50 Ikon Bangsa*, Selangor: Unipress Printer Sdn. Bhd., 2008.  
Cheah Boon Kheng. (1983). *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After The Japanese Occupation of Malaya, 1941-1946*, Singapore: Singapore University Press.

- Corteso, Amanda., ed. (1944). *The Suma Oriental of Tome Pires, Vol. II*, London: The Hakluyt Society.
- Fajar Asia*, No. 5, 13 Shigatsu 2603.
- Fajar Asia*, 25 Ichigatsu 2603.
- Hairi Abdullah. (1973/4, 1974/5). "Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah Dalam Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat," *JEBAT*, Bil. 3/4, 1-10.
- Ho Hui Ling. (2006). *Darurat dan Perpaduan Antara Kaum*. Persidangan Kebangsaan Mengenai Dato' Onn Jaafar, 1-4 Disember. Johor: Johor Baharu.
- INF 1/557: Overseas Plan-Propaganda-1942-1945.
- Ismail Ahmad. (2006). *Onn Jaafar- Melakar Sejarah Perjuangan Bangsa di Batu Pahat*, Batu Pahat: Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan Batu Pahat.
- Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman dan Abdullah Zakaria Ghazali. (2013). *E.E.C. Thuraisingham A Malaysian Patriot*, Kuala Lumpur: University Of Malaya Press.
- Mohd Isa Othman. (2000). *Sejarah Malaysia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Mingguan Malaysia*, 4 September 2011
- SUK. Phg. 24/45: Reports from District Officers, 10/9/45-19/10/45, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang 1945-1966.
- Shaharom Husain. (1985). *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Ja'afar*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sullivan, Patrick. (1982). *Social Relations of Dependence in A Malay State: Nineteenth Century Perak*, Kuala Lumpur: Art Printing Works.
- Stockwell, A.J., *British Policy and Malay Politics During The Malayan Union Experiment*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch of The Royal Asiatic Society, Monograph No. 8.
- Siti Rodziyah Nyan. (2009). *Akhbar Saudara*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Seruan Ra'ayat, 1945-1946.
- WO 106/2579B: Fall of Singapore: Statements by Witnesses-Mar-July 1942.
- WO 172/1778: War Diary
- WO 172/1784: War Diary
- WO 172/1795: War Diary
- WO 172/9773: War Diary.
- WO 203/1115B: No, 53, 5 October 1945.
- WO 203/3994: Intelligence-Malaya (TOP SECRET).
- WO 203/5642: Malaya Political Climate-Interviews by British Military Admin With Sultans Aug/Dec 45.
- WO 203/5660: Malaya's Political Climate Report Oct 1945-March 1946 (TOP SECRET).
- WO 208/1523: Malaya Combined Intelligence Summary-Jan. 40-Jan. 41.
- Zahari A. Rashid. (2008). *Kenang-Kenangan Abdullah Munsyi*, Petaling Jaya Selangor: IBS Buku Sdn. Bhd.
- Zaharah Nawawi. (1995). *Panglima Salleh Selempang Merah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zainal Abidin b. Abdul Wahid. (2008). 'Kerajaan Melaka Dalam Hubungan Antarabangsa', dalam *Polemik Sejarah Malaysia (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.